



# PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan seperti berikut :

### 9.0 PENGAWAL KESELAMATAN- GRED KP11

#### 9.1 Jadual Gaji

P1T1	RM	740.62	-	P1T21	RM	1714.26
P2T1	RM	783.09	-	P2T21	RM	1802.40
P3T1	RM	827.19	-	P3T21	RM	1892.17

#### Elaun

Imbuan Tetap Perumahan (ITP)	-	RM 180.00
Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA)	-	RM 95.00
Bantuan Sara Hidup	-	RM 300.00

**Taraf Jawatan :** *Tetap*

**Kekosongan :** *10*

#### 9.2 Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46 kg bagi wanita;
  - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
  - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan ceermin mata; dan
  - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.